



Sekuriti siber dan integriti

APABILA bercakap berkenaan dengan sekuriti (keselamatan) siber, boleh dikatakan hampir tiada organisasi atau syarikat yang boleh menafikannya. Sumber-sumber organisasi yang berkait dengan keselamatan siber perlu dijalinaturkan atau digabungkan dengan lebih cekap dan berkesan.

Hampir kesemua organisasi dalam dunia pada hari ini terlibat dengan dunia siber demi perkembangan operasi dan perniagaan masing-masing. Seterusnya dibincangkan beberapa amalan keselamatan siber yang penting dalam menjaga integriti sesebuah organisasi atau syarikat.

1 Sentiasa pastikan prasarana fizikal siber organisasi berada dalam keadaan yang selamat. Pada hari ini, kebanyakan organisasi menggunakan perkhidmatan prasarana siber menerusi perkhidmatan pengkomputeran awanan dan terlepas pandang untuk melindungi keselamatan perkakasan yang digunakan untuk mencapai perkhidmatan pengkomputeran awanan. Begitu juga dengan perkakasan dan peranti yang terlibat dengan sistem Internet pelbagai (IoT).

2 Pastikan persiapkan keselamatan siber organisasi berupaya

mengatasi masalah serangan *Ransomware*. Serangan *Ransomware* ini banyak menyerang organisasi atau syarikat yang mempunyai tahap keselamatan siber yang sangat rendah seperti tidak mengemas kini perisian atau sistem yang digunakan.

3 Pastikan perkhidmatan e-mel organisasi berada dalam keadaan selamat dari segi penggunaan, perlindungan dan pertahanannya. Kebanyakan serangan siber bermula dari taktik penyamaran e-mel dengan suntikan sambungan dan fail jahat. Perkara paling penting adalah pendidikan dan polisi penggunaan e-mel secara betul dan selamat kepada kakitangan organisasi.

4 Kebanyakan organisasi mempunyai laman sesawang (*web*) sendiri. Biasanya laman sesawang dan e-mel ini dibuka sambungannya ke luar untuk dapat interaksi atau komunikasi dari pihak luar. Kedua-dua benda ini banyak digunakan dalam permulaan serangan siber ke atas organisasi. Pastikan laman sesawang organisasi menggunakan protokol keselamatan enkripsi SSL (*Secure Socket Layer*) tanpa ada kompromi. Penggunaan protokol keselamatan ini akan menggunakan HTTPS (*Hyper Text Transfer Protocol Secure*) dalam paparan sesawang pada pelayar. Elakkan atau blok paparan sesawang menggunakan protokol HTTP pada pelayar sesawang yang tidak selamat.